

Bahagian A (WAJIB)

Soalan 1

1. Sistem Bank Negara

- (a) meluluskan UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
- (b) menetapkan
- (c) memantau Peperiksaan Semester Kedua
- (d) meluluskan Sidang Akademik 2000/2001

2. Deposit peribadi Februari/Mac 2001

AFW 362 - Pengurusan Institusi Kewangan dan Pasaran

Masa: 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Anda mesti jawab Soalan 2 (**WAJIB**) daripada Bahagian B dan pilih **DUA (2)** soalan lain. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan pensel 2B dan dihantar berasingan dengan buku jawapan.

KERTAS SOALAN BAGI BAHAGIAN A TIDAK BOLEH DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.

3. Jika $R_1 = 0.04$, $R_2 = 0.12$, dan $R_{3+4} = 0.08$, maka bawakan buku jawapan daripada arifmetik simplek ke atas hadapan pejabat, seperti berikut: tahun 2.1a?

- (a) 1 peratus
- (b) 2 peratus
- (c) 7.1 peratus
- (d) 1.5 peratus

Bahagian A : (WAJIB)

Soalan 1

1. Sistem Bank Negara:
 - (a) melaksanakan dasar monetari di Malaysia.
 - (b) menerbitkan bon kerajaan dan pelbagai bentuk hutang lain.
 - (c) menetapkan kadar tukaran asing bagi ringgit Malaysia.
 - (d) melakukan semua di atas.

2. Deposit pelanggan diklasifikasikan dalam kunci kira-kira institusi kewangan sebagai:
 - (a) aset, kerana pengguna menganggap deposit sebagai aset.
 - (b) aset, kerana institusi kewangan menggunakan dana deposit untuk memperoleh keuntungan.
 - (c) liabiliti, kerana institusi kewangan perlu memenuhi syarat keperluan rizab atas deposit.
 - (d) liabiliti, kerana institusi kewangan menggunakan deposit sebagai sumber dana.

3. Apabila bekalan wang negara meningkat pada kadar yang lebih pantas daripada keupayaan negara meningkatkan output barangan dan perkhidmatan, yang mana antara berikut akan terjadi?
 - (a) Defisit belanjawan meningkat.
 - (b) Berlakunya inflasi.
 - (c) Output sebenar dicepatkan.
 - (d) Taraf kehidupan meningkat.

4. Yang manakah antara pernyataan berikut adalah PALSU?
 - (a) Perantara kewangan bertindak sebagai broker untuk menemukan unit defisit dana dengan unit lebihan dana.
 - (b) Perantara kewangan bertindak sebagai pemberi pinjaman terakhir.
 - (c) Perantara kewangan bermanfaat kepada masyarakat kerana mereka menyediakan mekanisme pembayaran.
 - (d) Perantara kewangan mengurangkan pendedahan risikonya melalui pengumpulan aset.

5. Jika $R_1 = 0.08$; $R_2 = 0.12$, dan $E(r_2) = 0.09$, serta keadaan teori premium kecairan daripada struktur tempoh kadar faedah wujud, apakah premium kecairan bagi tahun 2, L_2 ?
 - (a) 1 peratus.
 - (b) 3 peratus.
 - (c) 7.1 peratus.
 - (d) 8.5 peratus.

6. Katakan syarikat XYZ memperoleh keuntungan RM2 se syer, berharga RM30 se syer, dan membayar dividen tahunan sebanyak RM1.50 se syer. Yang manakah antara berikut adalah betul?
- (a) Nisbah harga-perolehan (P/E ratio) saham XYZ ialah 15.
 - (b) Kadar hasil dividen syarikat XYZ ialah 5 peratus.
 - (c) Syarikat XYZ membayar dividen sebanyak 75 peratus daripada keuntungannya.
 - (d) Semua di atas adalah betul.
7. Dasar monetari terdiri daripada tindakan:
- (a) mengawal cukai untuk mempengaruhi perbelanjaan pengguna dan perniagaan.
 - (b) mempengaruhi ketersediaan kredit bank dengan mengubah kadar faedah.
 - (c) melaraskan paras perbelanjaan kerajaan untuk merangsangkan aktiviti ekonomi.
 - (d) semua di atas.
8. Kadar faedah ialah:
- (a) kos menggunakan dana dipinjam.
 - (b) angkuh utama yang mempengaruhi pelaburan dalam barangan modal.
 - (c) dipengaruhi dengan ketaranya oleh tindakan-tindakan dasar monetari.
 - (d) semua di atas.
9. Ahli ekonomi yang mengutamakan pengukuran wang yang lebih luas cenderung untuk menekankan fungsi wang sebagai:
- (a) alat pertukaran.
 - (b) penyimpan nilai.
 - (c) unit akaun.
 - (d) kaedah pembayaran.
10. Pasaran kredit langsung mencakupi:
- (a) bank dan dana bersama pasaran wang.
 - (b) pasaran wang dan pasaran modal..
 - (c) perantara kewangan dan pasaran wang.
 - (d) perantara kewangan dan pasaran modal.
11. Yang manakah antara berikut berhubungan secara langsung atau positif?
- (a) Risiko dan kadar hasil.
 - (b) Kecairan dan kadar hasil.
 - (c) Kecairan dan risiko.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.

12. Lazimnya, sesuatu aset yang mempunyai kecairan tinggi akan mempunyai:
- (a) kadar hasil yang lebih tinggi.
 - (b) risiko yang lebih besar.
 - (c) harga yang lebih rendah.
 - (d) tiada satupun daripada yang atas.
13. Andaikan kadar faedah kekal malar (konstan) dalam tempoh 90 hari akan datang. Suatu bil Perbendaharaan 90-hari yang diterbitkan hari ini akan mengalami:
- (a) harga malar dalam tempoh 90 hari akan datang.
 - (b) peningkatan harga dalam tempoh 90 hari akan datang.
 - (c) penyusutan harga dalam tempoh 90 hari akan datang.
 - (d) kurang maklumat diberi untuk menjawab soalan ini.
14. Yang manakah antara berikut adalah BENAR tentang bon berbayar kupon?
- (a) Harga diminta sentiasa lebih tinggi daripada harga ditawarkan.
 - (b) Kadar hasil ditawarkan sentiasa lebih tinggi daripada kadar hasil diminta.
 - (c) Jika kadar hasil telah meningkat sejak sesuatu bon diterbitkan, bon tersebut akan dijual pada diskaun daripada nilai muka.
 - (d) Semua di atas adalah benar.
15. Andaikan suatu bil Perbendaharaan 360-hari yang diterbitkan hari ini dijual pada kadar diskaun 5 peratus. Andaikan juga kadar faedah kekal malar sepanjang tahun akan datang. Kita boleh katakan bahawa, 180 hari dari sekarang, harga bil Perbendaharaan ini ialah lebih kurang:
- (a) RM950.
 - (b) RM975.
 - (c) RM990.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.
16. Antara instrumen kewangan berikut, yang manakah mempunyai risiko kemungkiran paling tinggi?
- (a) Bon Perbendaharaan.
 - (b) Kertas perdagangan (komersial).
 - (c) Bon korporat.
 - (d) Saham korporat.
17. Yang manakah antara pernyataan berikut adalah BENAR?
- (a) Kebanyakan syarikat korporat menerbitkan kertas perdagangan.
 - (b) Kebanyakan syarikat korporat boleh meminjam daripada pasaran dana persekutuan.
 - (c) Lazimnya, harga penerimaan jurubank ditetapkan untuk dijual pada nilai muka.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.

18. Pasaran kedua (sekunder) tidak menghasilkan modal baru. Walau bagaimanapun, pasaran kedua penting bagi sesebuah ekonomi kerana satu sebab utama, iaitu:
- (a) ia menyalurkan dana daripada penyimpan kepada peminjam.
 - (b) ia menyediakan kecairan, di mana tanpa kecairan tersebut, sekuriti terbitan baru tidak dapat dipasarkan.
 - (c) ia memberikan suatu penunjuk terhadap nilai sebenar sesebuah syarikat.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.
19. Dalam model dana bolehpinjam, yang manakah antara berikut akan menggerakkan keluk bekalan dana bolehpinjam ke arah kanan?
- (a) Suatu peningkatan dalam defisit belanjawan kerajaan.
 - (b) Suatu peningkatan dalam inflasi dijangka.
 - (c) Suatu peningkatan dalam keyakinan pengguna.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.
20. Andaikan kadar faedah sebenar kekal malar pada 3 peratus, manakala inflasi dijangka meningkat daripada 4 peratus kepada 6 peratus. Oleh itu, kadar faedah nominal akan:
- (a) meningkat daripada 4 peratus kepada 6 peratus.
 - (b) meningkat daripada 7 peratus kepada 9 peratus.
 - (c) meningkat daripada 1 peratus kepada 3 peratus.
 - (d) semua di atas tidak akan berlaku.
21. Suatu bon kupon-sifar dengan nilai par RM1,000,000 mempunyai kematangan 10 tahun, dan kadar pulangan diperlu 9%. Apakah harga semasa bon ini?
- (a) RM363,212.
 - (b) RM385,500.
 - (c) RM422,400.
 - (d) RM424,100.
22. Kesan Fisher menyatakan bahawa:
- (a) peningkatan dalam inflasi dijangka sepatutnya menyebabkan kadar faedah nominal jatuh kerana pulangan daripada pelaburan dihakis oleh kenaikan harga.
 - (b) penurunan dalam inflasi dijangka sepatutnya menyebabkan penurunan dalam kadar faedah nominal.
 - (c) inflasi adalah berkecuali sepenuhnya.
 - (d) tiada satupun daripada yang atas.

23. Akibat kewujudan Kesan Fisher, kaedah paling berkesan bagi pembuat dasar untuk menaikkan kadar faedah dalam jangka pendek ialah dengan _____ bekalan wang, dan cara paling berkesan untuk menaikkan kadar faedah dalam jangka panjang ialah dengan _____ bekalan wang.
- (a) meningkatkan ; meningkatkan
 - (b) meningkatkan ; mengurangkan
 - (c) mengurangkan ; meningkatkan
 - (d) mengurangkan ; mengurangkan
24. Dalam jangka pendek, dasar monetari terhadap akan menghasilkan suatu _____ dalam kadar faedah nominal, suatu _____ dalam inflasi dijangka, serta suatu _____ dalam kadar faedah sebenar.
- (a) peningkatan ; peningkatan ; kesan yang tidak dapat ditentukan
 - (b) penurunan ; peningkatan ; penurunan
 - (c) peningkatan ; penurunan ; peningkatan
 - (d) penurunan ; penurunan ; kesan yang tidak dapat ditentukan
25. Mengikut teori jangkaan tulen dalam struktur tempoh kadar faedah, suatu keluk kadar hasil mendatar diterjemahkan untuk bermakna bahawa:
- (a) kadar faedah dijangka untuk naik.
 - (b) kadar faedah dijangka untuk turun.
 - (c) kadar faedah dijangka untuk kekal malar.
 - (d) inflasi dijangka untuk meningkat.
26. Teori struktur tempoh kadar faedah manakah yang mengandaikan bahawa pelabur tidak mempunyai keutamaan langsung terhadap sesuatu kematangan berbanding kematangan lain?
- (a) Teori pasaran terpetak (segmented markets theory).
 - (b) Teori jangkaan tulen (pure expectations theory).
 - (c) Teori habitat keutamaan (preferred habitat theory).
 - (d) Teori premium kecairan (liquidity premium theory).
27. Jika teori premium kecairan dalam struktur tempoh kadar faedah adalah betul, maka:
- (a) pihak Perbendaharaan serta Bank Pusat akan dapat mengubah kecerunan keluk kadar hasil.
 - (b) pihak Perbendaharaan serta Bank Pusat tidak akan dapat mengubah kecerunan keluk kadar hasil.
 - (c) hanya pihak Perbendaharaan sahaja yang akan dapat mempengaruhi bentuk keluk kadar hasil..
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.

28. Mengikut teori pariti kuasa pembelian, dalam sebuah sistem kadar tukaran terapung, jika harga meningkat 10 peratus di Amerika Syarikat dan kekal malar di Jerman, maka:
- (a) dollar Amerika menurun nilai sebanyak 10 peratus berbanding deutschemark Jerman.
 - (b) dollar Amerika menaik nilai sebanyak 10 peratus berbanding deutschemark Jerman.
 - (c) kadar tukaran dollar Amerika kekal malar berbanding deutschemark Jerman.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas berlaku.
29. Matawang sesebuah negara akan menaik nilai dalam jangka panjang jika negara itu menunjukkan ciri-ciri:
- (a) inflasi tinggi dan pertumbuhan produktiviti tinggi.
 - (b) pertumbuhan produktiviti tinggi dan peningkatan tarif atas import.
 - (c) pertumbuhan produktiviti tinggi dan pengurangan tarif atas import.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas.
30. Pasaran tukaran hadapan digunakan:
- (a) oleh pedagang barangan untuk melindungi nilai terhadap risiko kadar tukaran.
 - (b) oleh spekulator untuk membuat keuntungan besar daripada pelaburan permulaan yang kecil.
 - (c) oleh pedagang aset antarabangsa untuk menyamakan pulangan antara negara.
 - (d) semua di atas.
31. Suatu peningkatan dalam kadar faedah:
- (a) membawa manfaat kepada institusi kewangan dengan cara meningkatkan nilai pasaran liabiliti institusi kewangan itu.
 - (b) membawa manfaat kepada institusi kewangan dengan cara menurunkan nilai pasaran liabiliti institusi kewangan itu.
 - (c) membawa keburukan kepada institusi kewangan dengan cara menurunkan nilai pasaran liabiliti institusi kewangan itu.
 - (d) membawa keburukan kepada institusi kewangan dengan cara meningkatkan nilai pasaran liabiliti institusi kewangan itu.

28. Mengikuti teori pariti kuasa pembelian, dalam sebuah sistem kadar tukaran tetap, jika harga meningkat 10 peratus di Amerika Syarikat dan kekal malar di Jerman, maka:

- (a) dollar Amerika memula nilai sebanyak 10 peratus berbanding deutschmark Jerman.
- (b) dollar Amerika memula nilai sebanyak 10 peratus berbanding deutschmark Jerman.
- (c) kadar tukaran dollar Amerika kekal malar berbanding deutschmark Jerman.
- (d) Tiada satu pun daripada yang atas berlaku.

29. Matawang sesebuah negara akan memula nilai dalam jangka panjang jika negara itu menunjukkan ciri-ciri:

- (a) inflasi tinggi dan pertumbuhan produktiviti tinggi.
- (b) pertumbuhan produktiviti tinggi dan peningkatan tarif atas import.
- (c) pertumbuhan produktiviti tinggi dan pengurangan tarif atas import.
- (d) Tiada satu pun daripada yang atas.

30. Pasaran tukaran bebahan digunakan:

- (a) oleh pedagang bebahan untuk melabur nilai terhadap risiko kadar tukaran.
- (b) oleh spekulator untuk mengambil keuntungan besar daripada perubahan yang kecil.
- (c) oleh pedagang aset antarabangsa untuk menyeraskan pulangan antara negara.
- (d) semua di atas.

31. Suatu peningkatan dalam kadar faedah:

- (a) membawa manfaat kepada institusi kewangan dengan cara meningkatkan nilai pasaran habiliti institusi kewangan itu.
- (b) membawa manfaat kepada institusi kewangan dengan cara menurunkan nilai pasaran habiliti institusi kewangan itu.
- (c) membawa kebajikan kepada institusi kewangan dengan cara menurunkan nilai pasaran habiliti institusi kewangan itu.
- (d) membawa kebajikan kepada institusi kewangan dengan cara meningkatkan nilai pasaran habiliti institusi kewangan itu.

32. Kadar hasil hingga matang suatu bon 20-tahun yang mempunyai kadar hasil semasa sebanyak 12 peratus dan berharga RM800 adalah _____ kadar hasil hingga matang suatu bon 1-tahun yang mempunyai kadar hasil semasa 7 peratus dan berharga RM910.
- (a) lebih daripada
 - (b) kurang daripada
 - (c) bersamaan dengan
 - (d) tidak dapat ditentukan dengan maklumat yang diberi.
33. Yang manakah antara pernyataan berikut paling tepat menghuraikan tugas pengurusan aset bank?
- (a) Bank berusaha memperoleh pulangan paling tinggi termungkin tertakluk kepada meminimumkan risiko dan membuat peruntukan untuk kecairan.
 - (b) Bank berusaha mempunyai kecairan paling tinggi termungkin tertakluk kepada memperoleh kadar pulangan positif daripada operasi mereka
 - (c) Bank berusaha sedaya upaya untuk menghalang kegagalan bank; olehsebab sebuah bank yang gagal tidak memperoleh keuntungan, keperluan untuk kecairan lebih diutamakan daripada keinginan untuk keuntungan.
 - (d) Tiada satupun daripada yang atas menghuraikan dengan tepat tugas pengurusan aset bank.
34. Seorang speculator membeli opsyen panggilan yang berharga RM3, dengan harga pelaksanaan sebanyak RM50. Harga semasa saham itu ialah RM49, dan meningkat kepada RM55 pada tarikh tamat tempoh. Apakah harga saham itu di mana speculator itu akan dapat pulang modal?
- (a) RM50.
 - (b) RM58.
 - (c) RM52.
 - (d) RM53.
35. Andaikan sebuah bank di Malaysia menerima deposit dalam bentuk dollar Australia dan memberikan beberapa pinjaman berkadar tetap dalam bentuk pound Britain. Yang manakah antara berikut akan mengurangkan margin keuntungan bank tersebut?
- (a) Dollar Australia menaik nilai terhadap pound Britain.
 - (b) Dollar Australia stabil terhadap pound Britain.
 - (c) Dollar Australia menurun nilai terhadap pound Britain.
 - (d) Kadar faedah di Britain meningkat.
36. Yang manakah antara berikut BUKAN suatu penyebab kegagalan bank?
- (a) Penipuan.
 - (b) Peratusan kemungkiran pinjaman yang rendah.
 - (c) Krisis kecairan.
 - (d) Peningkatan dalam persaingan.

37. Bank X memperoleh kebanyakan dananya daripada Sijil Deposit Bolehrunding (Negotiable Certificates of Deposit), manakala Bank Y memperoleh kebanyakan dananya daripada penyimpanan buku simpanan serta daripada akaun deposit permintaan. Berpandukan maklumat ini, margin faedah bersih Bank X bermungkinan besar _____ daripada margin faedah bersih Bank Y, dan perbelanjaan tanpa faedah Bank X berkemungkinan besar _____ daripada Bank Y.
- (a) lebih ; lebih
 - (b) lebih ; kurang
 - (c) kurang ; kurang
 - (d) kurang ; lebih
38. Jangka tempoh ("duration") suatu bon kupon sifar sentiasa _____ tempoh kematangannya. Jangka tempoh suatu bon kupon sentiasa _____ tempoh kematangannya.
- (a) lebih dari ; bersamaan dengan
 - (b) bersamaan dengan ; bersamaan dengan
 - (c) lebih dari ; kurang dari
 - (d) bersamaan dengan ; kurang dari
39. Mengikut pariti kadar faedah, jika kadar faedah di sebuah negara asing _____ daripada kadar faedah di negara sendiri, kadar hadapan di negara asing itu akan mempunyai _____.
- (a) lebih tinggi ; diskaun
 - (b) lebih rendah ; premium
 - (c) lebih tinggi ; premium
 - (d) kedua-dua a dan b
40. Sebuah institusi kewangan yang mempunyai beberapa pemegang bon Perbendaharaan menjual kontrak niagaan ke depan bon Perbendaharaan itu. Jika kadar faedah meningkat, nilai pasaran pemegang bon Perbendaharaan itu akan _____ dan kedudukan dalam kontrak niagaan ke depan akan menghasilkan _____.
- (a) meningkat ; keuntungan
 - (b) meningkat ; kerugian
 - (c) menurun ; keuntungan
 - (d) menurun ; kerugian

[40 markah]

Bahagian B : (Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan 2 adalah WAJIB, dan jawab DUA (2) soalan lain)

Soalan 2 (WAJIB)

- (a) Sesetengah ahli ekonomi berpendapat bahawa salah satu sebab ekonomi dalam negara-negara membangun bertumbuh dengan perlahan ialah kerana negara-negara tersebut tidak mempunyai pasaran kewangan yang maju dan mantap. Bolehkah pendapat ini diterima? Jelaskan. [5 markah]
- (b) Olehsebab syarikat-syarikat tidak sebenarnya memperoleh dana daripada pasaran kedua (sekunder), pasaran tersebut kurang penting kepada ekonomi sesebuah negara berbanding pasaran utama. Adakah pernyataan ini betul? Jelaskan. [5 markah]
- (c) Kenapakah anda lebih sanggup memberi pinjaman kepada jiran anda dengan cara memasukkan dana ke dalam akaun simpanan bank yang memperoleh kadar faedah 5 peratus, dan kemudian meminta bank meminjamkan dana tersebut kepada jiran anda pada kadar 10 peratus, daripada anda sendiri yang meminjamkan dana kepada jiran anda secara terus? [5 markah]
- (c) Jika terdapat penyusutan dalam kadar pertumbuhan wang dalam negara, apakah yang dapat anda menjangka akan berlaku kepada:
- (i) Output sebenar
 - (ii) Kadar inflasi
 - (iii) Kadar faedah

[5 markah]

Soalan 3

- (a) Dengan mengikut teori pemilihan portfolio, terangkan kenapa anda akan lebih atau kurang sanggup membeli bon Telekom Malaysia dalam keadaan-keadaan berikut:
- (i) Dagangan dalam bon syarikat ini meningkat, menjadikannya lebih mudah dijual.
 - (ii) Anda menjangka pasaran saham yang menurun ("bear market"), iaitu harga saham dijangka menyusut.
 - (iii) Komisen pembrokeran atas saham jatuh.
 - (iv) Anda menjangka kadar faedah akan meningkat.
 - (v) Komisen pembrokeran atas bon jatuh.

[5 markah]

[AFW362]

- (b) Permintaan terhadap sesuatu aset akan lebih rendah (dengan perkara lain kekal malar) jika betanya lebih tinggi. Adakah pernyataan ini benar, palsu, atau tidak pasti. Jelaskan jawapan anda. [5 markah]
- (c) Saham manakah anda lebih memilih untuk memiliki (dengan perkara lain kekal malar): saham A yang pada puratanya meningkat sebanyak 0.5 peratus apabila pasaran meningkat 1 peratus atau saham B yang pada puratanya meningkat 1 peratus apabila pasaran meningkat 2 peratus? Jelaskan jawapan anda. [5 markah]
- (d) Jika pulangan dijangka bagi portfolio pasaran ialah 8 peratus dan kadar bebas-
risiko ialah 5 peratus, apakah pulangan dijangka bagi suatu sekuriti yang mempunyai nilai beta 3.0 mengikut ramalan Model Penentuan Harga Aset Modal (CAPM)? [5 markah]

Soalan 4

- (a) Jika sebuah bank yang mempunyai nisbah rizab perlu sebanyak 10 peratus daripada deposit mengalami suatu aliran keluar deposit sebanyak RM50 juta, kunci kira-kira manakah antara dua kunci kira-kira berikut yang akan bank itu lebih memilih untuk memiliki? Jelaskan jawapan anda.

		<u>Kunci Kira-Kira A</u>	
Aset			Liabiliti
Rizab juta	RM 75	Deposit juta	RM500
Pinjaman juta	RM525	Modal Bank juta	RM100

		<u>Kunci Kira-Kira B</u>	
Aset			Liabiliti
Rizab juta	RM100	Deposit juta	RM500
Pinjaman juta	RM500	Modal Bank juta	RM100

[10 markah]


- (b) Salah satu cara Bank Pusat mengurangkan bekalan wang ialah dengan menjual bon. Dengan menggunakan kedua-dua rangka kerja dana bolehpinjam dan rangka kerja keutamaan kecairan, tunjukkan kesan terhadap kadar faedah akibat tindakan Bank Pusat ini.

[10 markah]

... 12/-

Soalan 5

(a)



- (i) Jika keluk kadar hasil kelihatan seperti di atas, apakah yang diramal oleh pasaran tentang pergerakan kadar faedah jangka pendek masa hadapan?
- (ii) Apakah yang ditunjukkan oleh keluk kadar hasil tentang ramalan pasaran mengenai kadar inflasi di masa hadapan?

[10 markah]

(b) Andaikan keluk kadar hasil pada masa kini berbentuk mendatar sempurna, dengan kadar-kadar hasil yang sama bagi sekuriti pelbagai kematangan. Pada ketika ekonomi Malaysia sedang beroperasi hampir kepada pekerjaan penuh, tiba-tiba Yang DiPertuan Agong mengisytiharkan keputusan bahawa negara akan terlibat dalam peperangan Palestin-Israel. Andaikan anda mempercayai penuh kepada teori jangkaan tulen.

- (i) Sebagai seorang pelabur individu dalam sekuriti kerajaan yang mempunyai RM100,000 untuk dilabur hari ini, bagaimanakah anda akan mengagihkan dana anda antara sekuriti jangka panjang dengan sekuriti jangka pendek?
- (ii) Apakah yang akan terjadi kepada bentuk keluk kadar hasil setelah pasaran menerima hakikat pengisytiharan peperangan?

[10 markah]

